



RINGKASAN EKSEKUTIF DELAN STRATEGIK PENDIGITALAN

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
2021-2025**

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
PERUTUSAN DATUK BANDAR	i
1.0 PENGENALAN	1
2.0 OBJEKTIF	3
3.0 SKOP	4
4.0 PENDEKATAN PROJEK	6
5.0 TADBIR URUS PROJEK	8
6.0 VISI DAN MISI ICT	9
7.0 TERAS STRATEGIK PENDIGITALAN	10
8.0 STRATEGI DAN PROGRAM ICT	12
9.0 PENJAJARAN STRATEGI PENDIGITALAN MBSA DENGAN STRATEGI PS MBSA	19
10.0 PENJAJARAN STRATEGI PENDIGITALAN MBSA DENGAN RANGKA KERJA	20
STRATEGI PENDIGITALAN SEKTOR AWAM	
10.1 KEUTAMAAN PROGRAM PENDIGITALAN	21
10.3 KAEDAH PELAKSANAAN PROGRAM	22
10.4 PELAKSANAAN MENGIKUT TAHUN	23
10.4 ANGGARAN KOS	24
11.0 PENUTUP	25

PERUTUSAN

DATUK BANDAR SHAH ALAM

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Syukur Alhamdulillah kerana dengan izin dan limpah kurniaNya Majlis Bandaraya Shah Alam telah berjaya menggubal Pelan Strategik Pendigitalan MBSA (PSP MBSA) 2021-2025 ini sebagai panduan dalam memastikan hasrat menjadikan MBSA peneraju penyampaian perkhidmatan pendigitalan ke arah bandaraya pintar sejajar dengan visi MBSA dapat dicapai.

Perancangan yang teliti dan strategik merupakan kunci kepada kejayaan dalam setiap program yang dirancang dalam pelaksanaan, tindakan kerja ataupun projek. Tanpa perancangan yang komprehensif boleh diibaratkan seperti kita bergerak tanpa hala tuju yang jelas.

PSP MBSA 2021-2025 telah mengambil kira senario persekitaran semasa dalam memastikan ia sentiasa kekal relevan selaras dengan perubahan dan perkembangan dunia teknologi kini dalam menuju era kerajaan digital dan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).

Inisiatif strategik yang dibangunkan ini mengambil kira keperluan bagi tempoh lima tahun yang meliputi perkhidmatan aplikasi digital, infrastruktur digital, pembudayaan dan profesionalisme ICT serta tadbir urus dan warga kerja berintegriti dalam memberikan khidmat yang terbaik. Harapan saya agar seluruh warga MBSA dapat bersama-sama menjayakan visi dan misi yang telah diaspirasikan di dalam Pelan Strategik Pendigitalan MBSA 2021-2025.

Semoga dengan keazaman dan iltizam yang tinggi dari semua pihak kita dapat menjadikan MBSA sebagai sebuah organisasi yang cemerlang dalam menyediakan perkhidmatan digital kepada pelanggan dan komuniti Shah Alam.



1.0 PENGENALAN

Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor (PBT Selangor) terdiri daripada 12 PBT keseluruhannya mempunyai peranan yang amat besar dalam menyahut cabaran masyarakat berpengetahuan dalam era globalisasi dan informasi. PBT Selangor komited untuk menyediakan sistem penyampaian yang memenuhi kehendak pelanggan dan menjadikan Malaysia lebih berdaya saing. Justeru itu, PBT Selangor sentiasa mempertingkatkan usaha memantapkan perancangan ICT bagi memastikan pelaksanaan segala tanggungjawabnya selaras dengan visi Kerajaan untuk menghasilkan Perkhidmatan Awam yang lebih cekap dan berkualiti.

Pelaksanaan pelan pendigitalan sektor awam dengan mengutarakan rangka kerja ICT, bidang teras yang perlu dipertingkatkan dan sasaran polisi ICT. Ia memberi penekanan terhadap kecekapan, produktiviti dan inovasi ICT bagi tujuan mengoptimumkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Matlamat akhirnya adalah untuk mencapai Perkhidmatan Awam yang berkonsepkan Kerajaan Digital Berpaksikan Rakyat.

Semua agensi Kerajaan perlu menyedia dan memperkemaskan Pelan Pendigitalan agensi masing-masing bersesuaian dengan halatuju dan objektif strategik organisasi/agensi dan juga sejajar dengan PSP Sektor Awam. Sehubungan dengan itu, PBT Selangor perlu membangunkan pelan pendigitalan bagi menjajarkan inisiatif ICT secara menyeluruh untuk memenuhi keperluan semasa dan akan datang. Pelan ini akan meneliti tahap penggunaan, mengenalpasti pelbagai isu, cabaran dan kelemahan dalam pembangunan ICT. Disamping itu, ia juga akan memfokuskan ke arah mewujudkan aplikasi yang bersepadu, cekap dan berkesan menerusi teknologi ICT yang terkini agar dapat memacu

sistem penyampaian perkhidmatan PBT Selangor yang bertaraf antarabangsa.

PSP PBT Selangor ini merupakan pelan induk yang dibangunkan untuk menyokong Pelan Strategik PBT masing-masing agar perancangan dan pembangunan pendigitalan selari dengan perancangan dan pelaksanaan program serta aktiviti yang dirancang. Pada masa yang sama, PSP PBT Selangor ini dibangunkan dengan mengambil kira segala keperluan untuk memenuhi objektif pembangunan dan hala tuju pendigitalan di peringkat nasional dan global seperti *Sustainable Development Goals 2030 (SDG 2030)*, *Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030)*, *Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)*, *Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL)*, *Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025* dan *Pelan Pendigitalan Negeri Selangor 2021-2025* iaitu memantapkan penyampaian perkhidmatan kerajaan negeri melalui pemanfaatan pendigitalan tuntas ke arah mencapai *Selangor Negeri Pintar berdayahuni di ASEAN 2025*.

Pelan Strategik Pendigitalan Negeri Selangor Darul Ehsan yang telah dibangunkan oleh Kerajaan Negeri Selangor menggariskan beberapa imperatif strategik yang berasaskan kepada Pembangunan *SMART Selangor* iaitu:

- i. Pengukuhan Pendigitalan Bisnes Utama Pentadbiran Negeri Selangor.
- ii. Pengukuhan Gerbang Penyampaian Perkhidmatan Digital Pentadbiran Negeri Selangor.
- iii. Pembangunan *Knowledge Hub* Pendigitalan Perkhidmatan Negeri Selangor.

- iv. Pengukuhan Rangkaian Komunikasi Bersepadu Pentadbiran Negeri Selangor.
- v. Pengukuhan Dasar dan Tadbir Urus Pendigitalan Perkhidmatan Pentadbiran Negeri.
- vi. Pengukuhan Pembangunan Kapasiti Modal Insan dan Pembudayaan Pendigitalan Pentadbiran Negeri.

2.0 OBJEKTIF

PSP PBT Selangor merupakan satu *blueprint* yang mengandungi garis panduan mengenai perancangan pelaksanaan projek ICT di semua PBT Selangor secara lebih terancang bagi tempoh 2021 sehingga 2025 merangkumi perkara-perkara seperti berikut:

- i. Menjelaskan visi, misi, hala tuju, inisiatif strategik dan rangka kerja bagi perancangan dan pembangunan ICT di PBT Selangor dengan sokongan teknologi, sistem aplikasi, tadbir urus ICT, pembangunan sumber manusia, dan komuniti.
- ii. Menyediakan garis panduan pelaksanaan projek ICT yang kos efektif dan selaras dengan keutamaan keperluan pengurusan dan operasi PBT Selangor bagi tempoh 2021 sehingga 2025.
- iii. Menetapkan hala tuju ICT PBT Selangor dan menyelaraskannya dengan Petunjuk Prestasi Utama/*Key Performance Indicator* (KPI) dan Bidang Keberhasilan Utama/*Key Result Area* (KRA), Rancangan Malaysia ke Dua Belas (RMK-12), *Sustainable Development Goals* serta lain-lain perkembangan semasa.
- iv. Menjadi sumber rujukan kepada warga kerja untuk mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggannya melalui pembudayaan ICT.
- v. Menyediakan perkhidmatan digital yang inklusif dan mesra pengguna, selamat dan dipercayai disamping perkongsian sumber ICT secara berpusat.

- vi. Mengurus dan merealisasikan nilai data secara cekap dan holistik serta mengukuhkan perkongsian data merentasi agensi.
- vii. Memantapkan kepimpinan dan tadbir urus perancangan serta koordinasi inisiatif digital disamping memperkukuhkan pengurusan dan kefungian organisasi ICT yang dinamik dan efisien.

Secara keseluruhannya objektif PSP PBT Selangor ini bertujuan untuk pelaksanaan infrastruktur ICT yang efisien, berkesan dari segi kos dan lebih interaktif. Di samping itu ia bertujuan untuk membolehkan PBT Selangor menerima pakai penggunaan teknologi baharu untuk menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat dengan lebih cekap dan berkesan.

3.0 SKOP PROJEK

Pembangunan PSP PBT Selangor ini dilaksanakan secara kolaboratif dengan kerjasama dan khidmat perundingan daripada Bahagian Perundingan ICT, dan Bahagian Pembangunan Strategik dan Arkitektur MAMPU serta Bahagian Teknologi Maklumat, Kerajaan Negeri Selangor. Keperluan ICT di PBT Selangor melibatkan pengguna, rangkaian, peralatan ICT, sistem aplikasi, pembangunan kandungan, tadbir urus ICT dan komuniti. Skop pembangunan PSP dilaksanakan berdasarkan keperluan perkhidmatan dan ICT yang merangkumi empat domain seperti dalam **Rajah 1.1**.



Rajah 1.1 Empat Domain Pembangunan PSP PBT Selangor

Pembangunan PSP PBT Selangor ini akan melibatkan 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu:

- i. Majlis Bandaraya Shah Alam.
- ii. Majlis Bandaraya Petaling Jaya.
- iii. Majlis Bandaraya Subang Jaya.
- iv. Majlis Perbandaran Klang.
- v. Majlis Perbandaran Sepang.
- vi. Majlis Perbandaran Selayang.
- vii. Majlis Perbandaran Kajang.
- viii. Majlis Perbandaran Ampang Jaya.
- ix. Majlis Perbandaran Kuala Selangor.
- x. Majlis Perbandaran Kuala Langat.
- xi. Majlis Daerah Hulu Selangor.
- xii. Majlis Daerah Sabak Bernam.

4.0 PENDEKATAN PROJEK

PSP PBT Selangor dibangunkan secara dalaman (*in-house*) dengan mendapat khidmat perundingan daripada Bahagian Perundingan ICT, MAMPU serta Bahagian Pembangunan Strategik dan Arkitektur ICT, MAMPU. Metodologi yang digunakan adalah berdasarkan Panduan Perancangan Strategik ICT iaitu Metodologi MyGovDS yang dibangunkan oleh MAMPU seperti dalam **Rajah 1.2**.



Rajah 1.2 Metodologi MyGovDs

Inisiatif pembangunan PSP PBT Selangor dimulakan dengan membuat analisis berhubung persekitaran bisnes dan ICT di agensi. Hasil analisis digunakan untuk menghasilkan Teras Strategik PBT dan seterusnya menyusun pelan tindakan berpandukan teras strategik yang telah dikenal pasti. Kaedah yang digunakan untuk membangunkan PSP ini adalah melalui sesi perbincangan di antara Pasukan Perunding MAMPU dan Pasukan Pembangunan PSP PBT Selangor.

Aktiviti utama dalam pembangunan PSP PBT Selangor adalah seperti berikut:

- i. Menilai persekitaran semasa perkhidmatan dan ICT.
- ii. Membangunkan hala tuju strategik pendigitalan.

- iii. Mengenal pasti perkhidmatan yang ditawarkan berasaskan penyelesaian *end-to-end* dan keperluan pelanggan.
- iv. Mengenal pasti data yang terlibat dalam ekosistem perkhidmatan yang ditawarkan.
- v. Mengenal pasti integrasi aplikasi dalaman dan luaran.
- vi. Membangunkan pelan pelaksanaan pendigitalan.
- vii. Menyedia dokumen Pelan Strategik Pendigitalan PBT Selangor.

Pembangunan PSP PBT Selangor adalah sejajar dengan aktiviti pembangunan *Enterprise Architecture* (EA) berdasarkan metodologi MyGovEA Peringkat 2: Penilaian (*As-Is*) dan Peringkat 3: Penakrifan (*To-Be*) yang menghasilkan motivasi perubahan perkhidmatan (*motivation view*), arkitektur bisnes, data, aplikasi dan teknologi seperti dalam **Rajah 1.3**.




Rajah 1.3 Metodologi MyGovEA

5.0 TADBIR URUS PROJEK

Satu jawatankuasa iaitu Jawatankuasa PSP PBT Selangor telah dibentuk untuk memastikan pembangunan PSP ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Struktur Jawatankuasa PSP PBT Selangor adalah seperti dalam **Rajah 1.4**.

CARTA STRUKTUR PASUKAN PROJEK



Rajah 1.4 Struktur Tadbir Urus Projek PSP PBT SELANGOR 2021-2025

6.0 VISI DAN MISI PENDIGITALAN

Visi dan misi pendigitalan MBSA merupakan hala tuju peringkat tertinggi bagi memacu pembangunan pendigitalan bagi menjadikan Shah Alam bandaraya yang berkualiti, sejahtera, kondusif dan terunggul.

Kaedah pembangunan visi dan misi pendigitalan MBSA ini adalah berdasarkan metodologi myGovDS. Visi dan misi pendigitalan MBSA yang baharu telah dirangka berpandukan visi dan misi jabatan seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 1.5**.



Rajah 1.5 Visi dan Misi Pendigitalan MBSA

7.0 TERAS STRATEGIK PENDIGITALAN

Teras strategik pendigitalan merupakan tonggak penting kepada pembangunan PSP MBSA dalam mengenal pasti strategi dan program pendigitalan yang akan dilaksanakan. Terdapat empat teras strategik dibentuk berdasarkan empat domain iaitu Aplikasi dan Data, Infrastruktur dan Keselamatan ICT, Tadbir Urus ICT serta Keupayaan ICT.

Senarai isu, cabaran dan peluang yang diperoleh dalam analisis jurang di Fasa Analisis telah ditapis dan dikelompokkan melalui proses penormalan dengan menggunakan templat S2.1: Penormalan Analisis Jurang.

Penetapan Teras Strategik telah dibuat dengan menetapkan empat teras strategik pendigitalan beserta objektif yang telah dihasilkan seperti dalam **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1 Teras Strategik dan Objektif PSPMBSA 2021-2025

TERAS STRATEGIK PENDIGITALAN	OBJEKTIF
<p><u>TS1</u></p> <p>Pemantapan Perkhidmatan Digital Secara Bersepadu</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menyediakan dan melaksanakan kemudahan dan perkhidmatan MBSA ke arah End-To-End (E2E) secara menyeluruh 2. Menjalinkan perkongsian maklumat antara agensi ke arah perkhidmatan yang lebih efektif

TERAS STRATEGIK PENDIGITALAN	OBJEKTIF
<p><u>TS2</u></p> <p>Pemeriksaan Infrastruktur ICT Yang Selamat Dan Holistik</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memastikan ketersediaan infrastruktur bagi menyokong penyampaian perkhidmatan majlis 2. Meningkatkan keupayaan infrastruktur bagi menjamin keselamatan maklumat melalui transaksi yang berintegriti.
<p><u>TS3</u></p> <p>Pemeriksaan Modal Insan Ke Arah Pembudayaan Digital</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memantapkan tadbir urus bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan pendigitalan 2. Mengukuhkan dasar polisi dan prosedur untuk meningkatkan integriti info struktur dan infrastruktur ICT
<p><u>TS4</u></p> <p>Pemeriksaan Tadbir Urus Digital</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memantapkan kompetensi dan inovasi berterusan bagi peningkatan daya saing 2. Menerapkan dan membudayakan perkhidmatan digitalisasi ke arah organisasi cemerlang

8.0 STRATEGI DAN PROGRAM

Strategi dan program pendigitalan dibentuk bagi menyokong empat teras strategik pendigitalan. Ringkasan empatbelas strategi dan tiga puluh lapan program pendigitalan adalah seperti dalam **Rajah 1.6**. Senarai strategi dan program pendigitalan yang dirangka adalah seperti dalam **Jadual 1.2**.



Rajah 1.6 Ringkasan Teras Strategik, Strategi dan Program Pendigitalan PSP MBSA 2021-2025

Jadual 1.2: Strategi dan Program PSP MBSA 2021-2025

Teras Strategik Pendigitalan	Strategi	Program
TS1 Pemantapan Perkhidmatan Digital Secara Bersepadu	S1 : Transformasi Sistem Penyampaian Perkhidmatan Digital MBSA	P1 : Pembangunan Baharu Sistem Teras
	S2 : Peningkatan Perkhidmatan Digital MBSA	P2 : Pembangunan Baharu Sistem Sokongan
	S3 : Pemantapan Perkhidmatan Aplikasi Mudah Alih	P1 : Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sistem Teras
	S4 : Pemantapan Gerbang Maklumat Digital MBSA	P2 : Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sistem Sokongan
		P1 : Pembangunan Sistem Aplikasi Mudah Alih Baharu
		P2 : Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sistem Aplikasi Mudah Alih Sedia Ada
		P1 : Pengemaskinian maklumat portal MBSA
		P2 : Naik taraf portal MBSA

Teras Strategik Pendigitalan	Strategi	Program
		P3: Penyelenggaraan portal MBSA
	S5 : Pemusatan Dan Integrasi Maklumat Merentasi Agensi	P1: Pemusatan dan penginterasian maklumat antara agensi
		P2: Penginterasian maklumat di antara sistem
TS2 Pemeriksaan Infrastruktur ICT Yang Selamat Dan Holistik	S1 : Pengukuhan Perkakasan ICT	P1: Perolehan Baharu dan Pelan Penggantian Peralatan ICT
		P2: Penyelenggaraan Perkakasan dan Perisian ICT
		P3: Perolehan dan Perluasan CCTV Berteknologi Baharu dan Penyediaan Teknologi Analytic
	S2 : Pengukuhan dan Pemantapan Infrastruktur Rangkaian dan Keselamatan Siber	P1: Pembaharuan lesen, khidmat sokongan serta penyelenggaraan rangkaian internet
P2: Naik taraf bandwidth rangkaian WIFI		

Teras Strategik Pendigitalan	Strategi	Program
		P3: Pelaksanaan Security Posture Assesment (SPA) untuk sistem dan rangkaian MBSA
		P4: Penyediaan Infrastruktur rangkaian fiber bagi Pemantapan Infrastruktur Integrasi Sistem Pemantauan Pintar Shah Alam (IRIS)
	S3 : Pemantapan Kesinambungan Perkhidmatan Pendigitalan MBSA	P1: Naik taraf Pusat Pemulihan Bencana (DRC) MBSA yang lengkap dan komprehensif
		P2: Perolehan Infrastruktur keselamatan kebakaran secara automatik dalam Rack Server untuk Pusat Data Wisma MBSA dan Pejabat Cawangan
TS3 Pemeriksaan Modal Insan Ke Arah	S1 : Pembangunan dan Pengukuhan Kemahiran Digital	P1: Pembangunan Pelan Latihan Pembangunan Kompetensi 2021-2025 P2: Pelaksanaan Latihan dan Kemahiran Teknikal ICT

Teras Strategik Pendigitalan	Strategi	Program
Pembudayaan Digital		<ul style="list-style-type: none"> ● Pengaturcaraan ● Multimedia ● Teknikal ● Rangkaian
		<p>P3: Latihan Kemahiran dan Peningkatan Kompetensi Digital Warga MBSA</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Google Cloud ● Microsoft Office ● Adobe Photoshop
		<p>P4: Persijilan Professional Pengurusan Digital</p>
	<p>S2 : Peningkatan Keupayaan dan Penglibatan Digital</p>	<p>P1: Latihan Sistem Aplikasi - Web</p>
	<p>P2: Latihan Sistem Aplikasi - Mudah Alih</p>	<p>P3: Kolaborasi Teknologi Pengurusan Projek, Penyelenggaraan dan Program ICT</p>
	<p>S3 : Peningkatan Promosi dan Publisiti Perkhidmatan Digital MBSA</p>	<p>P1: Pelaksanaan dan Penyelarasan Program Digital untuk wargakerja</p>
	<p>P2: Promosi Program Digital kepada Pelanggan / Komuniti</p>	<p>TS4</p>
<p>S1 : Pengukuhan Tadbir Urus dan Jawatankuasa Digital</p>	<p>P1: Semakan Semula Tadbir Urus Digital</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Fungsian Jawatankuasa 	

Teras Strategik Pendigitalan	Strategi	Program
Pemeriksaan Tadbir Urus Digital		<ul style="list-style-type: none"> • Peruntukkan • Pembangunan Digital
		P2: Pertambahan Perjawatan Organisasi ICT
		P3: Pengukuhan fungsi pasukan tadbir urus laman web/ portal agensi <ul style="list-style-type: none"> • Jawatankuasa Induk • Jawatankuasa Teknikal
	S2 : Pemantapan Pengurusan Dasar dan Kualiti Digital	P1: Semakan Semula Dasar, Polisi, Prosedur Keselamatan dan Prosedur Kerja Sedia Ada <ul style="list-style-type: none"> • ISMS • ABMS • MS ISO
		P2: Pembangunan Prosedur/Tatacara Pengurusan baharu
		P3: Penyediaan Manual Pengguna <ul style="list-style-type: none"> • Hotline / video / dokumen manual pengguna sistem (10 sistem)
S3: Pengukuhan Hala Tuju Pendigitalan	P1: Kajian Semula Pelan Strategik Pendigitalan 2021-2025	

Teras Strategik Pendigitalan	Strategi	Program
		P2: Pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan 2026-2030
		P3: Semakan Semula Enterprise Architecture (EA)

9.0 PENJAJARAN TERAS STRATEGIK PENDIGITALAN MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM DENGAN TERAS STRATEGIK MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM


Teras Strategik Pendigitalan MBSA telah disejajarkan dengan Teras Strategik MBSA 2021-2025 bagi menyokong hala tuju strategik MBSA seperti dalam **Rajah 1.7**.



Rajah 1.7 Penjajaran Teras Strategik Pendigitalan MBSA Dengan Teras Strategik MBSA

10.0 PENJAJARAN TERAS STRATEGIK PENDIGITALAN MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM DENGAN TERAS STRATEGIK PENDIGITALAN SEKTOR AWAM

Teras strategik pendigitalan MBSA yang dihasilkan adalah sejajar dengan Teras Strategik PSPSA bagi menyokong hala tuju pendigitalan sektor awam. **Rajah 1.8** menunjukkan penjajaran teras strategik pendigitalan MBSA dengan teras strategik pendigitalan sektor awam.



Rajah 1.8 Penjajaran Teras Strategik Pendigitalan MBSA dengan Teras Strategik Pendigitalan Sektor Awam

10.1 KEUTAMAAN PROGRAM ICT

Program serta aktiviti ICT telah ditentukan keutamaan pelaksanaan berdasarkan kategori iaitu keutamaan tinggi, sederhana dan rendah. Keutamaan untuk setiap program ICT adalah berdasarkan kepada kriteria yang telah ditetapkan seperti berikut:

i) **Kesegeraan untuk mengatasi isu semasa:**

Keutamaan ditentukan berdasarkan kepada isu semasa yang sedang dihadapi oleh MBSA.

ii) **Keentingan dan faedah kepada perkhidmatan MBSA:**

Keutamaan dilihat melalui projek yang memberi impak tinggi melalui peningkatan penyampaian perkhidmatan MBSA kepada pelanggan dan pemegang taruh.

iii) **Keupayaan sumber manusia sedia ada:**

Personel ICT yang mencukupi dan mahir diperlukan untuk memantau segala pelaksanaan projek dan penyenggaraan aplikasi.

iv) **Sumber kewangan yang mencukupi:**


Keutamaan yang ditentukan juga boleh dipengaruhi dengan sumber kewangan yang diperlukan pada tahun berkaitan.

10.2 KAEDAH PELAKSANAAN PROGRAM

Strategi pelaksanaan juga mengambil kira kaedah pelaksanaan program ICT yang telah dirancang sama ada secara sumber luaran (*outsource*) dan sumber dalaman (*in-house*). Pelaksanaan secara *outsource* dan *in-house* ditentukan dengan mengambil kira beberapa faktor seperti:

- Keupayaan dan ketersediaan sumber manusia sedia ada
- Sumber peruntukan yang mencukupi
- Kepentingan yang tinggi bagi perkhidmatan teras mbsa.


Pendekatan pelaksanaan secara *outsource* akan digunakan untuk program ICT yang memerlukan kepakaran luar dan teknologi terkini. Manakala pendekatan pelaksanaan secara *in-house* pula digunakan pada program ICT yang akan dilaksanakan dengan menggunakan sumber dan kepakaran dalaman. Bilangan program ICT yang telah dikenal pasti memerlukan pelaksanaan secara *outsource*, *in-house* dan *co-sourcing* adalah seperti dalam **Rajah 1.9**.



Rajah 1.9 Ringkasan Bilangan Program Mengikut Kaedah Pelaksanaan Secara Outsource dan In-house

10.3 PELAN PELAKSANAAN

Pelan pelaksanaan ini merupakan jadual tindakan dan anggaran kos bagi program ICT yang telah dirangka mengikut setiap teras strategik. Sebanyak 14 strategi dan 38 program telah dikenal pasti untuk dilaksanakan sepanjang tempoh 2021-2025. **Rajah 1.10** menunjukkan program dan aktiviti bagi setiap teras strategik yang akan dilaksanakan mengikut tahun.



Rajah 1.10 Pelan Mengikut Teras dan Tahun Pelaksanaan

10.4 ANGGARAN KOS PELAKSANAAN

Secara keseluruhan, kos yang diperlukan bagi pelaksanaan program dan aktiviti ICT MBSA bermula dari tahun 2021 hingga 2025 adalah berjumlah **RM 66,223,000.00** seperti di **Rajah 1.11**.



Rajah 1.11 Anggaran Kos Mengikut Tahun

11.0 PENUTUP

Pelan Strategik Pendigitalan MBSA 2021 – 2025 adalah merupakan satu dokumen *blue print* bagi MBSA untuk membangun dan mengoptimumkan penggunaan ICT ke arah pendigitalan dalam mencapai hala tuju dan objektif strategiknya. Pelan strategik ini hendaklah dipantau dari masa ke semasa dan dikaji semula jika perlu. Ini adalah bagi memastikan supaya ICT akan terus menjadi penggerak utama kepada perkhidmatan MBSA yang cekap dan efisien dalam mencapai hasrat untuk menjadikan Shah Alam sebagai sebuah Bandaraya Pintar.

Melalui perancangan implementasi, MBSA dapat mengenal pasti faktor kejayaan, kekangan, kewangan serta tempoh masa bagi setiap program dan strategi PSP MBSA 2021-2025 yang dirancang. Secara ringkasnya strategi dan program yang telah dikenal pasti bagi setiap teras adalah seperti **Jadual 1.3**.

Jadual 1.3 Jumlah Strategi dan Program Bagi Setiap Teras

APLIKASI		INFRASTRUKTUR		KEUPAYAAN		TADBIR URUS	
Strategi	Program	Strategi	Program	Strategi	Program	Strategi	Program
5	11	3	9	3	9	3	9

Berdasarkan **Jadual 1.3**, MBSA secara keseluruhannya mempunyai sebanyak 14 strategi dan 38 program dengan anggaran kos keseluruhan RM 66,223,000.00. Penyusunan aktiviti yang teratur adalah amat penting bagi memastikan pelaksanaan setiap program berjalan lancar dan sasaran dapat dicapai dalam tempoh masa lima tahun yang telah ditetapkan berdasarkan sumber kewangan yang diperolehi.

RINGKASAN EKSEKUTIF

**DELAN
STRATEGIK
PENDIGITALAN**

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
2021-2025**



MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

Bahagian Teknologi Maklumat
Tingkat 1, Wisma MBSA Persiaran Perbandaran
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03-5522 2715 / 03-5522 2716

Faks : 03-5512 1503

Hotline: 03-5510 5811

Emel : it@mbsa.gov.my

Laman Web : www.mbsa.gov.my

Talian Aduan : 1 800-88-4477